

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kes sembuh terus atasi angka jangkitan baharu

Jumlah pulih 3,320 berbanding 2,364 kes terkini

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Bilangan pesakit COVID-19 yang pulih terus mengatasi angka jangkitan baharu, dengan 3,320 kes sembuh dilaporkan, semalam.

Perkembangan membebankan itu membawa kepada jumlah kumulatif 270,166 kes sembuh (90.6 peratus) di negara ini, setakat jam 12 tengah hari semalam.

Ia berbanding 2,364 jangkitan baharu, termasuk satu kes import membabitkan rakyat Malaysia yang menjadikan jumlah kumulatifnya kini mencecah 298,315 dengan 27,028 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 2,363 kes baharu adalah penularan tempatan membabitkan 1,455 rakyat Malaysia (61.6 peratus) dan 908 bukan warganegara (38.4 peratus).

"Selangor mencatat kes harian baharu tertinggi, iaitu 862 jangkitan, diikuti Johor 314 dan Perak 305.

"Sebanyak 52 kes baharu ber-

kaitan kluster di penjara, iaitu Kluster Tembok Tapah 29, Kluster Tembok Pengkalan Chepa 13 dan Kluster Penjara Seberang Perai empat.

"Selain itu, Kluster Tembok Mempaga tiga kes dan masing-masing satu kes membabitkan Kluster Tembok Bukit Besi, Kluster Telok Mas serta Kluster Tembok Taiping," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham memaklumkan, 10 korban baharu COVID-19 membabitkan lapan rakyat Malaysia dan dua lagi bukan warganegara semalam, menjadikan 1,121 kes kumulatif (0.38 peratus).

Enam kematian itu dicatatkan di Kuala Lumpur; Selangor (dua) dan masing-masing satu di Johor serta Sarawak.

"Sebanyak 190 kes pula sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 99 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Selain itu, lapan kluster baharu dikenal pasti semalam, meliputi tujuh berkaitan tempat kerja dan satu membabitkan komuniti.

Lima daripadanya dikesan di Johor, iaitu Kluster Jalan Scientex Jaya, Kluster Jalan Mega Teknologi, Kluster Jalan Permas Sembilan, Kluster Jalan Gemilang Satu dan Kluster Jalan Tampoi Besi yang semua adalah berkaitan tempat kerja.

Dua lagi kluster tempat kerja ialah Kluster Kampung Pulau Raja di Kelantan dan Kluster Ja-



**Buat masa ini, tindakan kawalan kesihatan awam masih perlu diteruskan, di samping memastikan program imunisasi berjalan lancar.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

lan Tasek Avenue di Perak, manakala Kluster Buloh di Sarawak pula membabitkan komuniti.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham mengingatkan bahawa walaupun fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sudah dilaksanakan, kepatuhan kepada tindakan kesihatan awam perlu diteruskan.

Beliau berkata, ia termasuk

kawalan sempadan antarabangsa, pelaksanaan pelbagai prosedur operasi standard (SOP), aktiviti ujian saringan, pengesanan kontak rapat serta pengasingan kes disyaki dan dijangkiti.

"Impak tindakan ini akan dinilai dari semasa ke semasa sebelum dibincangkan bersama kerajaan ketika Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Antara indikator utama digunakan dalam penilaian risiko ini ialah situasi semasa kes harian, trend dan nilai semasa *R-Naught* (Rt) dan situasi semasa kematian serta penggunaan katil untuk kes COVID-19.

"Selain itu, situasi semasa petugas kesihatan yang dijangkiti dan aktiviti ujian makmal serta surveilans COVID-19," katanya.

Sebagai contoh, Dr Noor Hisham menjelaskan, keputusan untuk membenarkan pergerakan merentas negeri atau daerah adalah bergantung pada penilaian beberapa faktor itu dan memerlukan keputusan bersama pihak kerajaan.

"Buat masa ini, tindakan kawalan kesihatan awam masih perlu diteruskan, di samping memastikan program imunisasi berjalan lancar.

"Oleh itu, adalah penting bagi semua pihak termasuk mereka yang sudah menerima vaksin, untuk mematuhi sepenuhnya SOP sehingga imuniti kelompok tercapai," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## Dr Adham sihat, bertugas seperti biasa

**Putrajaya:** Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berada dalam keadaan sihat selepas dua hari menerima suntikan vaksin COVID-19, dan bertugas seperti biasa di pejabatnya, semalam.

Dalam hantarannya di Facebook semalam, Dr Adham berkongsi gambar beliau bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Mohd

Shafiq Abdullah berada di pejabatnya pagi semalam.

"Alhamdulillah kami berada dalam sihat walafiat selepas 48 jam disuntik vaksin COVID-19. Kami dan seluruh warga kerja KKM akan terus berjuang serta berkhidmat kepada seluruh rakyat Malaysia bagi menghentikan penularan COVID-19.

"Bersama kita mainkan peranan," kata Dr Adham.



*Dr Adham Baba*

Dr Adham, Mohd Shafiq bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali serta tiga petugas barisan hadapan menerima suntikan vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech pada Khamis lalu, di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Presint 11, di sini.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula Rabu lalu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjalani pro-

ses vaksinasi terawal bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah serta empat petugas barisan hadapan.

Program bertemakan 'Lintung Diri, Lindung Semua' itu dilaksanakan dalam tiga fasa, dengan fasa pertama digerakkan dari Februari hingga April ini untuk kumpulan petugas barisan hadapan membabitkan 500,000 orang.

BERNAMA



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Terlalu awal untuk 'pasport imuniti'

Perlu kaji dengan teliti hasil keberkesanan dan keselamatan vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR

**M**asih terlalu awal untuk mengangap vaksinasi Covid-19 akan dijadikan sebagai asas untuk memperoleh 'pasport imuniti' supaya seseorang dapat bergerak dengan bebas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kerajaan masih perlu mengkaji dengan teliti hasil keberkesanan dan keselamatan vaksin berkenaan sebelum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

"Vaksinasi membawa sinar harapan kepada kita semua, namun ia masih terlalu awal bagi kerajaan untuk membuat keputusan mengenai sama ada vaksi-

nasi itu akan menjadi 'pasport imuniti' dan membolehkan kita mengembara ke sekeliling dunia, misalnya.

"Marilah kita mendapatkan suntikan vaksinasi dan kemudian lakukan penilaian dari masa ke masa," katanya dalam ucapannya yang disiarkan menerusi webinar Forward Malaysia: Charting New Paths to the Next Normal, anjuran Newcastle University Medicine Malaysia di sini pada Sabtu.

Menurutnya, buat permulaan kerajaan mungkin akan melongarkan sekatan Covid-19, misal-



DR NOOR HISHAM

nya dalam aspek kuarantin sekiranya program vaksinasi berjalan dengan baik.

Namun, pada waktu yang sama, katanya, kerajaan perlu memastikan sama ada diperlukan atau sama ada tindak balas imuniti tubuh akan berkesan dan berpanjangan setelah satu atau dua tahun selepas menerima suntikan vaksin.

"Kita perlu melihat data, sekurang-kurangnya lapan bulan atau setahun dan mungkin maksimum sehingga dua tahun untuk melihat keberkesanan dan kese-

lamatan vaksin.

"Saya rasa ada banyak persoalan yang belum terjawab ketika ini tetapi kita berharap yang terbaik dan anda masih perlu mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) walaupun anda telah menerima suntikan vaksin," katanya.



Dalam perkembangan berkaitan, kes baharu Covid-19 yang direkodkan pada Sabtu meningkat sedikit kepada 2,364 kes berbanding 2,253 pada Jumaat dengan 10 lagi kematian.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal mencatat kes baharu tertinggi iaitu 862 kes, diikuti Johor (314), Perak (305), Sarawak (255) dan Sabah dengan 157 kes. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 27 Februari 2021


**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU
298,315	270,166	190	1,121	+2,364

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 295,951 kes kepada 298,315 kes





AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

## Kes positif Covid-19 kini menghampiri 300,000

**PUTRAJAYA** – Negara merekodkan jumlah kes positif menghampiri 300,000 kes dengan keseluruhan sebanyak 298,315 kes dicatatkan termasuk pertambahan 2,364 kes harian yang dicatatkan semalam.

Kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 pula merekodkan jumlah kumulatif sebanyak 270,166 kes dengan pertambahan 3,320 kes sembuh yang dilaporkan semalam.

Selangor kekal kes baharu tertinggi sebanyak 862 kes dengan 704 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Johor sebanyak 314 kes dan Perak sebanyak 305 kes.

Terdapat 10 kematian dilaporkan di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Sarawak melibatkan enam lelaki dan empat wanita berusia antara 45 hingga 86 tahun menjadikan sebanyak 1,121 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lapan kluster baharu dilaporkan semalam dengan tujuh kluster berkaitan tempat kerja dan satu kluster melibatkan komuniti.

Menurutnya, Kluster Jalan Tampoi Besi di Johor Bahru, Johor dengan 40 kes pekerja se-



**SANITASI dengan penyembuh nyah kuman dilakukan di sebuah pusat pengajian di Shah Alam kelmarin.**

buah kilang di Jalan Tampoi 7, Kawasan Perindustrian Tampoi, Johor Bahru serta Kluster Jalan Permas Sembilan juga di Johor Bahru dengan 20 kes dikesan.

“Kes indeks adalah hasil saringan sebelum pulang ke negara asal serta melibatkan sebuah kilang di Jalan Permas 9/16, Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru. Selain itu, Kluster Jalan Gemilang Satu juga di Jo-

hor Bahru dengan 15 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Gemilang 1, Taman Perindustrian Cemerlang, Ulu Tiram.

“Kluster Jalan Mega Teknologi pula turut dikesan di Johor Bahru dengan 14 kes pekerja sebuah kilang di Jalan Mega 1/7, Taman Perindustrian Nusa Cemerlang, Nusajaya,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19

# 2,364 CASES, 10 DEATHS

Selangor accounts for highest number of infections

NOR AIN MOHAMED RADHI  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA recorded 2,364 new Covid-19 infections, with Selangor accounting for the most number of cases over the past 24 hours.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor recorded 862 cases, followed by Johor (314), Perak (305), Sarawak (255), Sabah (157), Penang (155) and Kuala Lumpur (117).

Kelantan and Melaka recorded 17 cases each, followed by Terengganu (11), Pahang (eight) and Putrajaya (four).

"The new cases today (yesterday) bring the cumulative figure to 298,315, with 27,028 active cases," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said 3,320 people recovered yesterday, bringing recoveries to 270,166.

"A total of 190 patients are being treated in intensive care units, with 99 on ventilator support."

He said the death toll rose to 1,121 after 10 fatalities were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre yesterday.

The fatalities involved eight Malaysians and two non-citizens, with the eldest being an 86-year-old woman, who had a history of high blood pressure and diabetes.

She died at Sungai Buloh Hospital.



Frontliners waiting to receive the Covid-19 vaccine at Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah in Kuantan on Friday. PIC BY FARIZUL HAFIZ AWANG

The deaths were recorded in Kuala Lumpur (six), Selangor (two), and one each in Johor and Sarawak.

The youngest to die were two non-citizens, both 45, whose remains were taken to Kuala Lumpur Hospital and Selayang Hospital respectively.

Dr Noor Hisham said eight new

clusters were recorded yesterday, with seven linked to workplaces.

Five of the workplace-linked clusters were reported in Johor, while Kelantan and Perak had one each.

Four clusters were discovered in Johor Baru and identified as the Jalan Tampoi Besi cluster,

Jalan Permas Sembilan cluster, Jalan Gemilang Satu cluster and Jalan Mega Teknologi cluster.

Another new cluster in the state, the Jalan Scientex Jaya cluster, was reported in Kulai.

In Perak, the cluster was identified as Jalan Tasek Avenue (Kinta), and in Kelantan, it was Kam-

pung Pulau Raja (Kota Baru).

A cluster linked to the community was reported in Selangau, Sarawak.

There are 485 active clusters, with 16 clusters ending yesterday.

Dr Noor Hisham said although Phase 1 of the Covid-19 National Immunisation Programme had begun, adherence to public health restrictions and the standard operating procedures (SOP) was crucial.

He said the restrictions included international border control, implementation of SOP, Covid-19 testing and screening, close-contact detection, isolation of suspected and infected cases, as well as public health actions by agencies.

"The impact of these actions will be assessed from time to time and discussed with the government during the special session with the National Security Council."

He said the decision to allow interstate or interdistrict travel would depend on several factors, and required a joint decision with the government.

He said among the factors that would be considered were the number of Covid-19 daily infections, trends and values of R-Naught, trend of Covid-19 deaths, bed occupancy, situation of infected health workers, and laboratory and surveillance testing activities (RT-PCR and RTK Antigen).

"Public health control action is still needed while we ensure that the immunisation programme runs smoothly.

"We hope all parties, including those who have received the vaccine, will comply with the SOP until herd immunity is achieved."



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

# 'A possible drop in numbers by May'

## Health DG: A continued downward trend could see new cases halved

By JO TIMBUONG  
jo.timbuong@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia's Covid-19 cases can drop to two digits by May if the R0 or R-naught continues to be on a downward trend, says the Health director-general.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the daily estimated R0 was 0.9 as of Feb 21.

"We are now seeing a plateau in cases. We hope to bring the R0 to 0.5, and if we can sustain that rate, we may see new cases being halved and hope to see two-digit numbers by May," he said in his keynote address at the "Forward Malaysia: Charting New Paths to the Next Normal" webinar organised by

Newcastle University Medicine Malaysia here yesterday.

The R0 of a virus is a measure of its transmission or the number of new infections generated by each case.

He said Malaysia managed to bring down the R0 before, which resulted in zero daily cases at one point during the second wave of Covid-19 infections last year.

He added that during the second wave around March to June last year, the R0 was at 3.3 and was successfully brought down to 0.3.

In March, the country was put under the movement control order (MCO) and when infections eased, it shifted into recovery MCO on June 10.

In the third wave in September, the R0 was at 2.2 and while conditional MCO was imposed, certain economic sectors were allowed to operate but social activities were prohibited.

"We managed to bring R0 down to 1.2, but it became difficult to bring it down any further," he said.

Dr Noor Hisham said one of the reasons was due to travellers flouting the standard operating procedure when interstate travel was allowed on Dec 7 and that led to the numbers spiking around Christmas and New Year.

On Jan 13, the government once again imposed the MCO to control infections as cases soared, hitting 5,725 on Jan 29.

Dr Noor Hisham cautioned that just because the R0 was lower now, the country was not out of the woods and reminded Malaysians to continue adhering to the SOP.

Separately, he said health experts were taking steps to address the mortality rate of the disease.

While the mortality rate has decreased to 0.38%, the number of patients succumbing to the disease is increasing.

"Last year, a total of 471 people died, but the death toll this year has already hit 585," he said.

He said out of the 1,056 people who died, 88% of them were locals and had comorbidities.

He added that 88% of those who died were also at the critical stage 4

or 5 of the disease, where patients were likely to have inflammation in the lungs and required oxygen or ventilator support.

Dr Noor Hisham said the Health Ministry would continue to use public health measures to control the disease and bring down mortality rates.

It also wants to step up testing capabilities and monitor the National Vaccination Programme which began on Wednesday and was expected to be completed in the first quarter of 2022.

"The vaccine will certainly help but we still need to embrace the new norms. The vaccine gives us internal protection while public health measures protect us externally," he said.